

# Terkilan ibu bapa uzur

>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Walaupun hari ini (semalam) menjadi antara hari paling bersejarah sepanjang hidup, saya sedikit terkilan kerana kedua-dua orang tua tidak dapat hadir disebabkan uzur," kata Syazana Adibah Sallehan, 24, penerima Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Ijazah Sarjana Muda Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM)-Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 2007.

Bagaimanapun, katanya, ketiadaan ibu bapa untuk turut serta pada majlis itu semalam tidak menjejaskan semangat serta perasaan gembiranya kerana dipilih menerima anugerah berkenaan.

"Ayah perlu menjalani pemeriksaan jantung semalam (kelmarin) dan saya tak mahu menyusahkannya memandangkan perjalanan jauh yang terpaksa ditempuhi untuk ke mari.

"Memanglah terasa agak terkilan tanpa kehadiran



**CEMERLANG**  
...Syazana bersama trofi dan ijazah yang diperolehnya.

orang tua tambahan pula saya sangat rapat dengan mereka tapi semangat saya untuk berada di sini menerima ijazah dan anugerah terbabit, tidak luntur," katanya ketika ditemui, semalam.

Syazana yang berasal dari Terengganu berkata, dia tidak mempunyai formula khusus sepanjang tempoh pengajiannya di sebuah IPTS di negeri kelahirannya itu serta menasihatkan penuntut yang masih mengikuti

pengajian supaya tidak bertangguh hingga saat akhir untuk mengulang kaji pelajaran.

"Saya tidak mempunyai ramuan tertentu ketika belajar cuma menumpukan sepenuhnya perhatian dalam kelas di samping mengulang kaji subjek pembelajaran setiap kali selepas habis kuliah. Apa yang penting, jangan amalkan sikap berlengah untuk membuat ulang kaji atau rujukan," katanya.